



International Journal of Advanced Research in Future Ready Learning and Education

Journal homepage:
<https://karyailham.com.my/index.php/frle/index>
ISSN: 2821-2800



Kebolehpasaran Kursus Operasi Pengeluaran Batik:Satu Kajian Kes Ke Atas Murid Masalah Pembelajaran

Employability of the Batik Production Operations Course: A Case Study on Students with Learning Disabilities

Shirley Anyie¹, Geraldine Lasak¹, Pang Lee Ying¹, Vestly Kong Liang Soon^{1,*}

¹ Jabatan Pendidikan Khas, Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris Malaysia, 81310,Tanjung Malim,Perak,Malaysia

ARTICLE INFO

Article history:

Received 18 April 2025

Received in revised form 30 June 2025

Accepted 30 July 2025

Available online 30 September 2025

ABSTRACT

Operasi Pengeluaran Batik merupakan bidang yang boleh menjadi platform kepada kemenjadian murid bermasalah pembelajaran (MMP) yang boleh diterokai. Kajian ini memfokuskan kepada keberkesanan kursus Operasi Pengeluaran Batik yang dilaksanakan kepada kemenjadian MMP selepas mereka menamatkan persekolahan. Sehubungan dengan itu, kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan mengambil kira kaedah temu bual dan kaedah analisis dokumen dalam mendapatkan dapatan kajian. Sampel kajian yang digunakan adalah dua (2) orang guru yang mengajar kursus Operasi Pengeluaran Batik di sebuah sekolah menengah yang melaksanakan program pendidikan khas vokasional di Selangor. Data yang diperoleh telah dianalisis secara deskriptif dan diuraikan dalam bentuk naratif. Secara keseluruhan, kajian ini membuktikan bahawa kebolehpasaran MMP yang mengikuti kursus Operasi Pengeluaran Batik adalah rendah kerana MMP lebih memilih untuk menyambung pelajaran ke peringkat seterusnya ataupun bidang lain yang tidak berkaitan dengan Operasi Pengeluaran Batik. Secara kesimpulannya, strategi pengajaran kursus Operasi Pengeluaran Batik menitikberatkan pengetahuan dan kemahiran guru manakala guru juga bertanggungjawab melaksanakan strategi ataupun usaha dalam memastikan MMP mendapatkan pekerjaan ataupun menyambung pelajaran dalam bidang kemahiran yang sama selepas menamatkan persekolahan. Kajian ini boleh dijadikan sebagai sumber dalam membuat perancangan dan pengubahsuaian pelaksanaan vokasional dalam Pendidikan Khas.

Keywords:

Kebolehpasaran; kemenjadian; murid bermasalah pembelajaran; Operasi Pengeluaran Batik; pendidikan khas vokasional

The Batik Production Operation is a field that can serve as a platform for the personal development of students with learning disabilities (MMP). This study focuses on the effectiveness of the Batik Production Operation course in shaping the future prospects of MMP after they complete their schooling. A qualitative approach was employed in this study, incorporating interviews and document analysis methods to obtain the research findings. The study sample consisted of two (2) teachers who teach the Batik

* Corresponding author.

E-mail address: vestly@fpm.upsi.edu.my

<https://doi.org/10.37934/frle.40.1.111>

*Employability; learning disabilities;
batik production operation;
vocational Special Education;
Personal development*

Production Operation course at a secondary school that implements a vocational special education program in Selangor. The collected data were analyzed descriptively and presented in a narrative form. Overall, the findings indicate that the employability of MMP who completed the Batik Production Operation course is low, as they tend to pursue further education or shift to other fields unrelated to Batik Production Operations. In conclusion, the teaching strategies for the Batik Production Operation course emphasize teachers' knowledge and skills, while teachers also play a crucial role in implementing strategies and initiatives to ensure that MMP secure employment or further their studies in the same vocational field after graduation. This study serves as a valuable resource for planning and modifying the implementation of vocational education in Special Education programs.

1. Pengenalan

Batik Malaysia merupakan hasil seni kraf tangan yang mempunyai motif dengan identiti seni dan budaya masyarakat Malaysia melalui proses pembuatan batik menggunakan teknik halangan warna. Keunikannya melalui penggunaan motif-motif seperti flora dan fauna, teknik pembuatan serta nilai keindahan yang diterapkan merupakan satu warisan budaya yang terunggul. Penghasilan fabrik ataupun tekstil adalah dengan menggunakan lilin dan bahan pewarna berasaskan warna daripada sumber semula jadi atau pun sintetik dan proses penghasilan batik melibatkan proses melakar, mencanting dengan menggunakan lilin, mewarna dan membasuh batik. Namun begitu, hanya dua negeri sahaja yang mempunyai kepakaran khusus dalam menghasilkan batik iaitu negeri Kelantan dan Terengganu. Hal ini telah menjadikan pakar pengeluaran batik di Malaysia berada pada jumlah yang merisaukan kerana ianya akan memberikan impak yang negatif kepada hasil warisan negara. Lantaran itu bagi memastikan warisan ini terpelihara maka langkah menjadikan Operasi Pengeluaran Batik (OPB) telah menjadi bidang kemahiran yang diperkenalkan di kalangan generasi muda masa kini termasuklah di kalangan Murid Masalah Pembelajaran (MMP). Walaubagaimana pun, penglibatan MMP dalam kemahiran ini masih rendah sehingga membawa kepada kajian tentang penglibatan MMP dalam bidang OPB. kerana kajian yang memberi tumpuan kepada kebolehpasaran murid dengan masalah pembelajaran (MMP) dalam industri khusus dan signifikan dari segi budaya seperti pengeluaran Batik masih kurang. Oleh itu kajian ini bertujuan untuk mengisi jurang ini dengan mengkaji bagaimana kemahiran Vokasional Operasi Pengeluaran Batik (OPB) dapat meningkatkan kebolehpasaran MMP, sambil mengenal pasti cabaran dan peluang unik dalam bidang ini.

1.1 Latar Belakang

Penubuhan Bahagian Pendidikan Khas (BPKhas) di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia berperanan untuk memastikan semua murid berkeperluan pendidikan khas (MBPK) berhak mengikuti sistem pendidikan yang bersesuaian dan berkualiti, relevan dan holistik [1]. Hal ini telah membawa kepada penggubalan kurikulum kebangsaan bagi memenuhi keperluan dan kesesuaian MBPK di sekolah [1]. Demi menyesuaikan kemampuan dan perkembangan kognitif murid masalah pembelajaran (MMP) yang tidak sama seperti MBPK lain yang masih boleh mengikuti kurikulum arus perdana serta memastikan mereka mempunyai laluan kerjaya yang jelas, menguasai kemahiran keusahawanan, mempunyai nilai kebolehpasaran dan kemahiran keboleherjaan, Kurikulum Standard Sekolah Menengah Pendidikan Khas (KSSMPK) telah digunakan bagi merangkumi mata pelajaran teras malahan mata pelajaran kemahiran ataupun vokasional. Mata pelajaran vokasional (MPV) dilaksanakan pada dua peringkat iaitu peringkat menengah rendah dan peringkat menengah atas.

Pada peringkat menengah bawah, Kemahiran Asas Vokasional (KAV) dilaksanakan dan contohnya adalah seperti asas jahitan, masakan, tanaman, akuakultur, multimedia, refleksologi dan pembuatan perabot (KPM, 2018). Untuk peringkat menengah atas pula, Kemahiran Vokasional Spesifik dilaksanakan berpandukan National Occupational Skills Standards (NOSS) ataupun dikenali sebagai Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan [2]. Penggunaan NOSS dalam penyediaan kurikulum MMP dalam bidang vokasional dapat melahirkan graduan yang berkemahiran malah dapat memenuhi permintaan sektor-sektor industri tertentu yang semakin terhakis kerana pembangunan pesat sektor teknologi dan kejuruteraan. Kewujudan kursus kemahiran vokasional dalam industri batik juga diperkenalkan untuk MBPK sebagai Operasi Pengeluaran Batik (OPB) atau lebih dikenali sebagai Batik Production Operation (BPO) yang mengharapkan agar generasi muda seperti MMP dapat dilatih menjadi pekerja berkemahiran tinggi dalam menghasilkan dan mengeluarkan produk batik sekaligus mengangkat semula budaya dan identiti negara di samping membawa kepada kebolehpasaran MMP dalam industri batik di Malaysia ke arah yang lebih positif.

1.2 Pernyataan Masalah

Pelaksanaan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (PTV) dalam pendidikan khas bertujuan meningkatkan kebolehpasaran Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MMP) mengikut kursus kemahiran yang dipelajari. Ali *et al.*, [3] menyatakan bahawa PTV dapat membantu meningkatkan peluang pekerjaan bagi MMP. Namun, isu pengangguran masih membelenggu graduan pendidikan vokasional, termasuk lepasan Kolej Vokasional (KV), kerana persaingan dengan graduan normal dalam pasaran kerja. Saibon *et al.*, [4] serta Izam *et al.*, [5] melaporkan bahawa persaingan ini menyebabkan kesukaran dalam memperoleh pekerjaan. Kajian oleh Tiun dan Khoo [6] menunjukkan kadar pengangguran tertinggi dalam kalangan individu dengan masalah pembelajaran, iaitu 53.5% daripada 478 responden. Kelemahan dalam kemahiran dan kelayakan guru pendidikan khas turut mempengaruhi kualiti pengajaran vokasional. Menurut Jamaludin [7] dan Azahari *et al.*, [8], ramai guru vokasional di Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional (SMPKV) berasal dari latar belakang pendidikan arus perdana, yang menjejaskan keberkesanan pembelajaran amali. Sebagai contoh, dalam bidang batik, kebanyakan guru adalah dari jurusan Pendidikan Seni Visual dan bukan bidang kemahiran batik secara khusus, yang menjejaskan penguasaan kemahiran pelajar.

Industri batik di Malaysia masih berskala kecil dan berorientasikan perniagaan keluarga, yang membatasi peluang pekerjaan untuk MMP walaupun mereka memiliki Sijil Kemahiran Malaysia (SKM). Silyanto [9] menjelaskan bahawa skala industri yang kecil menyukarkan MMP untuk mendapat pekerjaan yang stabil. Keadaan ini menimbulkan kebimbangan dalam kalangan pengusaha batik mengenai kurangnya minat generasi muda terhadap industri ini, seperti yang dilaporkan oleh Mohamad Akhir *et al.*, [10]. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk menilai kebolehpasaran kursus Operasi Pengeluaran Batik di SMPKV serta kepentingan peranan guru dalam memastikan MMP berdaya saing dalam pasaran kerja. Yong [11] menegaskan bahawa peranan guru adalah faktor penting dalam memastikan pelajar mendapat kemahiran yang relevan dengan industri.

1.3 Objektif Kajian

Kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk melihat kebolehpasaran kursus Operasi Pengeluaran Batik ke atas MMP yang mengambil bidang KVS di sekolah menengah.


- i. Mengetahui kadar kebolehpasaran murid bermasalah pembelajaran yang memperoleh pekerjaan dalam bidang Operasi Pengeluaran Batik selepas tamat persekolahan.

- ii. Menganalisis faktor-faktor yang mempengaruhi kebolehpasaran kursus Operasi Pengeluaran Batik (OPB) terhadap murid bermasalah pembelajaran.
- iii. Meneroka peranan guru dalam meningkatkan kebolehpasaran kursus Operasi Pengeluaran Batik (OPB) bagi murid bermasalah pembelajaran.

1.4 Soalan Kajian

- i. Adakah murid masalah pembelajaran mendapatkan pekerjaan dalam bidang Operasi Pengeluaran Batik (OPB) selepas tamat persekolahan?
- ii. Apakah faktor yang mempengaruhi kebolehpasaran kursus Operasi Pengeluaran Batik (OPB) ke atas murid masalah pembelajaran?
- iii. Apakah peranan guru bagi memastikan kebolehpasaran kursus Operasi Pengeluaran Batik (OPB) ke atas murid masalah pembelajaran?

1.5 Kerangka Konseptual Kajian



Rajah 1. Kerangka konseptual kajian

Kerangka konseptual kajian ini menunjukkan bahawa kebolehpasaran kursus Operasi Pengeluaran Batik (OPB) kepada Murid Pendidikan Khas (MMP) dipengaruhi oleh dua komponen utama daripada teori Modal Insan, iaitu pendidikan dan kemahiran. Teori Modal Insan yang diperkenalkan oleh Zafir Khan Mohamed Makhbul dan Mohd Nazmy Abd Latif [12] merangkumi lima komponen iaitu pengetahuan, kemahiran, pengalaman, pendidikan dan kesihatan. Namun, kajian ini memberi tumpuan kepada komponen pendidikan dan kemahiran kerana kaitannya dengan kebolehpasaran kursus OPB.

Komponen pendidikan menekankan peranan guru dalam melaksanakan strategi pengajaran yang efektif bagi meningkatkan kebolehpasaran MMP. Guru berperanan penting dalam menyampaikan ilmu kemahiran yang relevan dengan operasi pengeluaran batik secara optimum. Sementara itu, komponen kemahiran pula memberi fokus kepada penyediaan MMP dengan kemahiran khusus yang membolehkan mereka mendapatkan pekerjaan dalam bidang yang sama selepas tamat persekolahan.

Dalam konteks cabaran Industri 4.0 yang memerlukan tenaga kerja berkemahiran tinggi dan berasaskan teknologi, industri tertentu seperti pembuatan batik masih memerlukan tenaga kerja yang menjalankan tugas secara rutin. Oleh itu, selaras dengan keperluan Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV), kursus OPB dilihat relevan dalam melahirkan graduan yang mempunyai nilai kebolehpasaran dalam bidang tersebut.

Secara keseluruhannya, kedua-dua komponen pendidikan dan kemahiran daripada teori Modal Insan ini dapat menilai tahap kebolehpasaran kursus OPB kepada MMP, sejajar dengan matlamat untuk melahirkan sumber tenaga kerja yang berkemahiran dan berkualiti.

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pelaksanaan pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) kursus kemahiran vokasional Operasi Pengeluaran Batik kepada Murid Pendidikan Khas (MMP) serta menilai tahap kebolehpasaran mereka dalam bidang kemahiran vokasional selepas tamat persekolahan. Hasil kajian ini diharapkan dapat menjadi panduan kepada pelbagai pihak dalam meningkatkan nilai kebolehpasaran MMP.

Kajian ini turut memberi manfaat kepada guru-guru pendidikan khas di Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional (SMPKV) dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan dan relevan dengan keperluan industri. Selain itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Jabatan Pembangunan Kurikulum (JPK), Bahagian Pendidikan Khas (BPKhas), dan Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional (BPTV) [13] juga boleh memanfaatkan kajian ini untuk menyelaraskan kurikulum dengan keperluan pasaran kerja.

Selain itu, kajian ini dapat dijadikan rujukan dalam perancangan dan pengubahsuaian pelaksanaan pendidikan vokasional khas di Malaysia, khususnya bagi kursus Operasi Pengeluaran Batik. Melalui kajian ini juga, BPKhas dapat mengukuhkan kemahiran dan pengetahuan guru dalam mendidik MMP agar selaras dengan keperluan tenaga kerja industri batik di Malaysia.

Akhir sekali, kajian ini diharapkan dapat memberikan pendedahan kepada MMP mengenai peluang kerjaya yang tersedia dalam industri batik atau bidang yang berkaitan, sekali gus membantu mereka membuat pilihan kerjaya yang lebih tepat dan bersesuaian.

2. Metodologi Kajian

2.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini adalah kajian kualitatif yang dijalankan di salah sebuah sekolah di negeri Selangor. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian secara kajian kes untuk mencapai objektif yang ditetapkan. Reka bentuk ini juga membolehkan pengkaji mengenalpasti tahap kebolehpasaran MMP dalam bidang pekerjaan selepas tamat persekolahan. Kajian ini memilih untuk mengekalkan pendekatan kualitatif kerana ia membolehkan pengkaji memahami dengan lebih mendalam pengalaman, persepsi, dan konteks sosial yang melatari pelaksanaan kursus Operasi Pengeluaran Batik (OPB) dalam kalangan murid masalah pembelajaran (MMP). Pendekatan kualitatif memberikan ruang untuk meneroka isu-isu yang kompleks dan dinamik yang mungkin tidak dapat diukur secara kuantitatif, seperti peranan guru, minat murid, dan faktor-faktor sosial yang mempengaruhi kebolehpasaran MMP. Selain itu, kajian kualitatif membolehkan pengkaji untuk mendapatkan data yang kaya dan mendalam melalui temu bual separa berstruktur dan analisis dokumen. Ini amat sesuai untuk kajian kes yang melibatkan sampel kecil tetapi memerlukan pemahaman yang mendalam tentang konteks dan pengalaman individu. Pendekatan kualitatif juga membolehkan pengkaji untuk mengesan nuansa dan makna di sebalik tingkah laku dan keputusan yang dibuat oleh MMP dan guru

mereka. Walaupun kaedah kuantitatif boleh memberikan data yang lebih luas, ia mungkin tidak dapat menangani aspek-aspek kualitatif seperti motivasi, emosi, dan interaksi sosial yang memainkan peranan penting dalam menentukan kebolehpasaran MMP. Oleh itu, pendekatan kualitatif dipilih untuk memberikan gambaran yang lebih holistik dan mendalam tentang isu yang dikaji.

2.2 Persampelan

Persampelan merupakan salah satu faktor utama dalam menentukan ketetapan sesuatu kajian atau penyelidikan [14]. Persampelan kajian ini adalah menggunakan persampelan bertujuan (purposive sampling) kerana saiz populasi sekolah yang menawarkan kursus kemahiran Vokasional Operasi Pengeluaran Batik adalah terhad. Kajian ini memberi tumpuan kepada populasi guru yang mengajar matapelajaran Kemahiran Operasi Pengeluaran Batik di sebuah sekolah di daerah Shah Alam, Selangor. Bagi kajian ini, pengkaji memilih dua orang guru berdasarkan pengalaman mereka mengajar matapelajaran Kemahiran Operasi Pengeluaran Batik. Pemilihan sampel ini terhad kerana hanya sekolah ini sahaja yang menawarkan kursus OPB bagi murid masalah pembelajaran di daerah Shah Alam.

2.3 Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan instrumen kajian secara temu bual separa berstruktur dan analisis dokumen. Kedua-dua instrumen ini dipilih untuk mendapatkan data yang komprehensif dan mendalam tentang kebolehpasaran MMP dalam kursus Operasi pengeluaran Batik. Temubual separa berstruktur dijalankan untuk memahami pengalaman, persepsi dan cabaran yang dihadapi oleh MMP dan guru dalam perlaksanaan kursus OPB. Analisis dokumen digunakan untuk mendapatkan maklumat tambahan tentang pelaksanaan kursus OPB dan pencapaian MMP. Instrumen ini melibatkan kajian sistematik terhadap dokumen-dokumen yang relevan, seperti rancangan pengajaran guru, rekod pencapaian MMP, dan laporan sekolah. Analisis dokumen dipilih kerana ia memberikan maklumat kontekstual dan objektif yang dapat menyokong data temu bual.

2.4 Prosedur Pengumpulan Data

Bagi temu bual separa berstruktur, pengkaji akan menyediakan soalan untuk memastikan semua aspek penting kajian diliputi. Temu bual dijalankan secara bersemuka dan setiap sesi direkodkan dengan kebenaran responden untuk memastikan ketepatan data. Data temubual kemudian akan ditranskripsi dan dianalisis secara tematik untuk mengenal pasti tema dan pola yang relevan. Proses analisis dokumen bermula dengan pemilihan dokumen yang relevan, seperti rancangan pengajaran, rekod pencapaian MMP, dan laporan sekolah. Dokumen-dokumen ini dikumpul daripada pihak sekolah dengan kebenaran yang diperlukan. Data daripada dokumen kemudian dianalisis secara tematik untuk mengenal pasti tema dan pola yang berkaitan dengan objektif kajian. Contoh dokumen yang dianalisis termasuk rancangan pengajaran guru, yang memberikan maklumat tentang strategi dan pendekatan pengajaran yang digunakan, serta rekod pencapaian MMP, yang menilai tahap penguasaan kemahiran OPB oleh MMP. Bagi mengelakkan bias daripada responden, pengkaji menyediakan soalan yang neutral dan terbuka dan menyediakan konteks yang jelas mengenai tujuan temu bual. Langkah ini bertujuan untuk memberikan gambaran jelas tentang penemuan kajian serta cadangan yang boleh digunakan untuk penambahbaikan dalam bidang yang dikaji.

2.5 Prosedur Penganalisis Data

Melalui kajian ini, pengkaji telah menganalisis data temubual secara tematik dan penganalisisan data dokumen. Bagi temubual secara tematik pengkaji akan mendengar dan menaip semula jawapan temubual yang telah dilaksanakan secara lisan dan rakaman video dan audio. Setelah mendapat jawapan, pengkaji akan membaca semula data dan menganalisis data secara terperinci melalui proses pengekodan. Sehubungan dengan itu, tema dan sub tema yang telah dikeluarkan dalam bentuk nama, kategori, atau label tertentu bagi memudahkan pengkaji mengenal pasti data daripada sampel kajian yang telah dilaksanakan. Oleh itu, pengkaji akan memberikan kod-kod tertentu berdasarkan data yang telah diperoleh dari peserta kajian. Seterusnya, pengkaji akan menjana tema-tema utama melalui proses pengekodan yang telah dilaksanakan sebagai penemuan utama dan sub-sub tema yang dijelaskan secara terperinci mengenai tema yang telah dikeluarkan. Akhir sekali, pengkaji akan membuat tafsiran data yang diperoleh. Tafsiran data ini yang dilaksanakan daripada perbandingan atau persamaan tema serta dapatan kajian dengan tinjauan literatur teori yang digunakan.

Dalam prosedur kedua, pengkaji melaksanakan analisis kandungan dokumen yang diperoleh dengan mengikuti beberapa langkah dalam proses pengumpulan data. Pengkaji akan membuat persediaan dengan membiasakan diri terhadap rekod penempatan MMP bagi mengikuti kursus Kemahiran Operasi Pengeluaran Batik setelah tamat persekolahan. Pengkaji juga akan menentukan data yang diperoleh daripada dokumen tersebut dan menganalisisnya sama ada secara tersurat atau tersirat. Seterusnya, pengkaji akan melakukan pengekodan dan kategori berdasarkan persoalan kajian dan kesesuaian data mengikut tujuan kajian. Hal ini dapat membantu pengkaji untuk memberikan keterangan dan rumusan melalui kategori dan sub kategori. Akhir sekali, pengkaji akan menyediakan laporan berkaitan proses dan hasil analisis berdasarkan kerangka konseptual yang telah dibina.

3. Dapatan Kajian

Penganalisisan data kualitatif yang dibuat telah dianalisis secara naratif dan juga data mentah yang diperoleh melalui temubual dan nota lapangan telah dianalisis secara menyeluruh bagi mendapatkan jawapan bagi persoalan kajian. Jadual 1 menunjukkan latar belakang responden kajian.

Jadual 1
Latar belakang responden kajian

Nama	Umur	Jantina	Tahap Pendidikan	Kelayakan Ikhtisas	Pengalaman mengajar kursus OPB	Sijil Kemahiran Malaysia dalam Bidang OPB
PK 1	30	Perempuan	Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Seni) dengan Kepujian (UPSI)	Sijil Pendidikan Khas Vocational Training Officer (VTO)	5 Tahun	Tidak ada
PK 2	29	Perempuan	Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Seni) dengan Kepujian (UPSI)		3 Tahun	Tidak ada

3.1 Analisis Kandungan

Analisis dokumen kebolehpasaran Operasi Pengeluaran Batik (OPB) yang terdapat disekolah menunjukkan bahawa; sepanjang tahun 2017 hanya terdapat seorang murid yang bekerja dalam bidang OPB sebaliknya lima daripada murid yang terlibat dalam OPB ini menyambung pelajaran dalam bidang bukan OPB. Manakala hanya terdapat seorang murid yang bekerja dalam bidang bukan berkaitan OPB. Data tahun 2018 juga menunjukkan bahawa tidak terdapat langsung murid MMP yang terlibat OPB baik bekerja dalam bidang bukan OPB mahupun dalam bidang OPB. Data menunjukkan bahawa keseluruhan murid menyambung pengajian dalam bidang bukan berkaitan OPB.

3.2 Analisis Data Temubual

Melalui temubual yang dibuat terhadap responden adalah didapati bahawa tahap kecenderungan murid MMP yang mengambil bidang OPB bekerja dalam bidang OPB adalah sangat kurang kerana murid lebih cenderung memilih bidang lain selepas tamat persekolahan. Responden pertama menyatakan bahawa kurangnya kemahiran yang lebih mendalam menyebabkan murid tidak mencari pasaran dalam OPB. Selain itu responden kedua juga menyatakan bahawa terdapat kurangnya peluang dalam pasaran kerja berkaitan OPB menyebabkan murid MMP yang sebelum ini terlibat dalam OPB tidak meneruskan bidang tersebut.

3.2.1 Faktor dalaman

Antara faktor-faktor yang menyebabkan kekurangan dalam kebolehpasaran kursus operasi pengeluaran batik (OPB) adalah;

- i. Kekangan latihan dan kemahiran yang diiktiraf
Dapatan temubual kedua-dua responden menyatakan bahawa kurangnya perancangan dalam kurikulum yang mana MMP yang mengikuti OPB tidak diwajibkan menduduki SPM turut membawa kesan kepada kebolehpasaran ini. Akhirnya, terdapat MMP yang mendapat SKM tahap 3 dalam bidang OPB tetapi sukar mendapat pekerjaan kerana kebanyakan institusi mewajibkan calon mempunyai kelulusan SPM. Selain itu terdapat juga MMP yang terpaksa berusaha sendiri dalam mencari pusat latihan bagi menyambung kemahiran yang telah ada. Keadaan ini menyebabkan MMP lebih cenderung memilih pekerjaan lain yang mudah untuk ditawarkan.
- ii. Bimbingan pilihan kerjaya
Bimbingan pilihan kerjaya yang tepat dapat membantu memberi maklumat tentang peluang kerjaya dalam industri batik termasuk trend semasa dan keperluan pasaran. Secara tidak langsung ini akan membantu MMP memilih dan memastikan diri mereka layak untuk terlibat dalam sesuatu pilihan kerjaya yang bersesuaian. Kesyediaan dari segi kelayakan dan kemahiran MMP khususnya dalam bidang OPB ini akan memudahkan MMP menentukan pilihan kerjaya yang tepat dan bersesuaian dengan keperluan pasaran pada masa kini.
- iii. Status MMP sebagai orang kurang upaya
Status MMP sebagai pemegang kad OKU amat mempengaruhi pasaran kerjaya mereka. Status sebagai OKU ini seringkali membawa persepsi yang negatif masyarakat terhadap mereka. Masyarakat secara umumnya memandang fizikal terlebih dahulu dan sering meragui kelayakan dan kemampuan mereka sebagai pekerja yang mempunyai kad OKU. Keadaan ini menyebabkan peluang dalam pasaran kerja bagi kumpulan ini sukar untuk didapati. Keadaan

ini berlaku apabila majikan terpaksa mempertimbangkan banyak perkara seperti kesesuaian ruang kerja, kesesuaian bahan dan alatan dan keperluan kesihatan mereka sebagai pemegang kad OKU sebelum dapat mengajarkan mereka.

3.2.2 Faktor luaran

Selain itu, terdapat juga faktor luaran seperti;

i. Faktor kekangan kewangan

Faktor lain yang menjadi kekangan dalam penglibatan MMP dalam OPB adalah faktor kewangan seperti latarbelakang kewangan yang kurang berkemampuan. Hal ini termasuklah seperti menampung kos pengangkutan, kos bahan yang mahal seperti lilin, kain, pewarna dan canting. Kos bahan-bahan ini perlu diambil kira bagi memastikan kursus ini dapat dilaksanakan dengan berkesan. Selain itu dalam kajian ini juga responden menekankan bahawa kos pengangkutan yang melibatkan peruntukan kewangan turut mempengaruhi pelaksanaan kursus ini di kalangan MMP yang terdiri daripada pelbagai latar belakang kewangan. Bagi memastikan kelangsungan kursus ini dilaksanakan, kewangan yang melibatkan kos untuk memulakan perniagaan adalah sangat diperlukan oleh MMP. Oleh itu faktor kewangan sangat mempengaruhi pelaksanaan kursus ini di kalangan MMP.

ii. Faktor minat dan motivasi

Minat dan motivasi MMP memainkan peranan penting dalam kejayaan kebolehpasaran kemahiran OPB di kalangan MMP. Kajian yang dijalankan ini menunjukkan bahawa minat MMP dalam bidang OPB adalah kurang sehingga mereka tidak dapat melihat bahawa OPB mampu menjadi salah satu pasaran kerja yang boleh dikembangkan pada masa hadapan. Hal ini kerana mereka juga menyedari bahawa industri batik adalah kurang sehingga mereka beranggapan bahawa industri ini tidak mampu menyediakan peluang pekerjaan untuk mereka.

iii. Kemahiran sosial dan emosi

Walaupun kedua-dua responden bersetuju bahawa penglibatan MMP dalam bidang OPB telah menjadikan membantu kemenjadian diri MMP bukan hanya dalam bidang kemahiran tetapi juga dalam bidang kemahiran sosial dan emosi yang telah diterapkan semasa mereka belajar OPB di SMPKV. Oleh itu dapatlah dilihat bahawa OPB yang dipelajari ini juga memberi pengaruh yang positif terhadap pengurusan sosial dan emosi MMP yang terlibat.

3.5 Implikasi Kajian

Implikasi daripada kajian ini telah membawa kepada usaha guru Pendidikan Khas yang sebelum ini tidak mempunyai kemahiran asas berkaitan OPB meningkatkan keupayaan diri dengan mengikuti kursus-kursus berkaitan bidang OPB. Kedua-dua responden kajian menyatakan bahawa mereka telah melibatkan diri dalam kursus-kursus yang dibuat di peringkat sekolah dan luar bagi meningkatkan kemahiran diri masing-masing. Selain daripada itu kajian ini memberi suntikan semangat kepada guru bagi memastikan MMP yang mengikuti OPB dapat mencapai SKM tahap tiga dengan terampil. Keadaan ini akan membolehkan murid MMP dalam bidang OPB dapat mencari peluang pekerjaan dalam bidang OPB. Dalam pada itu bimbingan pilihan kerjaya juga dilihat dalam kajian ini dapat membantu murid mendapatkan maklumat berkaitan institusi atau ruang pekerjaan yang diceburi

boleh dilakukan dengan bimbingan daripada pihak Kaunselor sekolah dibawah Bimbingan dan Kaunseling.

3.6 Perbincangan dan Kesimpulan

Hasil daripada dapatan kajian ini telah menunjukkan bahawa tahap kebolehpasaran Operasi Pengeluaran Batik adalah rendah kerana kebanyakan MMP yang berkecimpung dalam bidang OPB lebih cenderung memilih bidang lain atau bukan bidang yang sama seperti kursus kemahiran yang diambil. Hal ini demikian juga adalah kerana kebanyakan MMP yang mengambil kemahiran OPB ini tidak mengambil ujian SPM walaupun mereka mendapat SKM Tahap 3. Secara tidak langsung ini menyebabkan mereka sukar mendapat pasaran kerja. Selain itu faktor kewangan ibubapa dan minat murid juga memainkan peranan penting dalam kebolehpasaran MMP dalam bidang OPB. Kekurangan kewangan menyebabkan ibubapa tidak dapat menampung keperluan anak-anak. Manakala minat dan motivasi yang kurang dalam bidang OPB ini juga telah menyebabkan mereka lebih memilih bidang lain sebagai kerjaya atau bidang untuk melanjutkan pelajaran. Kebanyakan MMP juga melihat bahawa industri OPB yang kurang berkembang di negara ini memberi gambaran bahawa peluang kebolehpasaran OPB adalah kurang.

Keupayaan guru menguasai kemahiran yang ingin diajar dalam bidang OPB juga amatlah penting. Kemahiran guru yang pakar dalam bidang yang diajar akan membantu guru melatih dan membimbing murid menguasai kemahiran Vokasional OPB. Oleh itu guru perlu melengkapkan diri dengan kemahiran dan ilmu yang ada bagi memastikan penyampaian ilmu dapat disampaikan dengan baik.

Berdasarkan dapatan kajian ini, adalah dicadangkan agar kajian lebih mendalam dilaksanakan kerana kajian ini hanya menggunakan kaedah kualitatif yang hanya berfokus kepada kaedah temubual separa berstruktur dan analisis dokumen yang berkaitan sahaja. Kajian lanjutan mendalam membolehkan maklumat yang diperolehi lebih meluas, sistematik dan mempunyai tahap kejutuan yang tinggi. Responden yang di temubual dalam waktu yang singkat menyebabkan kajian ini perlu dilanjutkan lagi dengan mendapat input dan data yang lebih mendalam.

4. Kesimpulan

Rumusan daripada kajian ini dapatlah dinyatakan bahawa kebolehpasaran Operasi Pengeluaran Batik di kalangan MMP adalah rendah. Walaubagaimana pun terdapat pelbagai strategi telah dilakukan telah dilakukan oleh guru yang mengajar kemahiran agar kursus yang dipelajari dapat membawa kepada peluang pekerjaan kepada murid-murid ini. Dalam pada itu kajian ini juga telah membawa kepentingan kepada pihak seperti KPM, BPkHAS, BPVK dan guru-guru bidang kemahiran. Hal ini kerana pihak tersebut dapat melihat sejauhmana keberkesanan bidang kemahiran tersebut telah dicapai. Faktor kurangnya kebolehpasaran MMP dalam bidang OPB juga didorong oleh faktor dalaman seperti kewangan dan luaran seperti motivasi dan kurangnya peluang dalam bidang OPB yang menyebabkan kurang kebolehpasaran OPB kurang mendapat tempat dalam pasaran kerja Murid Masalah Pembelajaran walaupun mereka telah mendapat latihan dalam bidang tersebut kerana Malalui temubual yang dilakukan responden menyatakan bahawa murid MMP lebih cenderung memilih bidang lain dalam pemilihan kerjaya mereka.

Rujukan

- [1] Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Akta Pendidikan 1996 (Akta 550). Putrajaya: Percetakan Nasional Malaysia Berhad, 1996.
- [2] Jabatan Pembangunan Kemahiran. Laporan Tahunan Jabatan Pembangunan Kemahiran 2022. Putrajaya: Kementerian Sumber Manusia Malaysia, 2022.
- [3] Ali, Enah, Ridzwan Che'Rus, Mohd Adib Haron, and Mohd Azlan Mohammad Hussain. "Kebolehpasaran graduan pendidikan teknikal dan vokasional: Satu analisis." *Sains Humanika* 10, no. 3-3 (2018). <https://doi.org/10.11113/sh.v10n3-3.1510>
- [4] Saibon, Ramdzan Ali, Arasinah Kamis, and Zuraidah Zainol. "Entrepreneurship education: Unemployment issues, people's well being and entrepreneurial Intentions among TVET graduates in Malaysia." *International Journal of Psychosocial Rehabilitation* 23, no. 4 (2019): 953-965. <https://doi.org/10.37200/IJPR/V23I4/PR190423>
- [5] Izam, Saslizawati, and Wan Azlinda Wan Mohamed. "Pelaksanaan Latihan Vokasional untuk Murid Berkeperluan Khas." *Jurnal Pendidikan Vokasional Malaysia* 5, no. 2 (2020): 33–42.
- [6] Tiun, Ling Ta, and Swee Kim Khoo. "Challenges Faced by People with Disability in the Employment Sector in Malaysia." *Disability, CBR and Inclusive Development* 24, no. 1 (2013): 6–19. <https://doi.org/10.5463/dcid.v24i1.142>
- [7] Jamaliah Jamaludin. "Pendidikan Inklusif dan Isu Kebolehpasaran Graduan OKU di Malaysia." Serdang: Universiti Putra Malaysia Press, 2014.
- [8] Azahari, Nur Hazwanie, Isa Hamzah, and Mohd Hanafi Mohd Yasin. "Tahap latihan dan kemahiran guru pendidikan khas menghadapi cabaran pelaksanaan mata pelajaran Kemahiran Vokasional Spesifik (KVS) berdasarkan Kurikulum Standard Sekolah Menengah Pendidikan Khas (KSSMPK)." *Jurnal penyelidikan TEMPAWAN* 37 (2020): 24-34. <https://doi.org/10.61374/temp03.20>
- [9] Silyanto. "Pengaruh Pendidikan Vokasional terhadap Kebolehpasaran Tenaga Kerja." *Jurnal Pendidikan dan Pembangunan* 3, no. 1 (2015): 23–30.
- [10] Mohamad Akhir, Nor Haslina, dan Normaz Wana Ismail. "Persepsi Majikan terhadap Kebolehpasaran Graduan OKU dalam Sektor Awam dan Swasta." *Jurnal Pendidikan Malaysia* 40, no. 2 (2015): 45–54.
- [11] Yong, Sheau Wei. *Inclusive Education and Employment Prospects of Special Needs Students in Malaysia*. Kuala Lumpur: Institute of Strategic Analysis and Policy Research, 2021.
- [12] Zafir Khan Mohamed Makhbul, dan Mohd Nazmy Abd Latif. "Employability Skills among Malaysian Graduates: A Study on Employers' Perception." *Malaysian Journal of Human Resource Management* 17, no. 2 (2019): 11–25.
- [13] Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional. "TVET KPM." 2022. <https://bpltv.moe.gov.my/>.
- [14] Bhardwaj, Pooja. "Types of sampling in research." *Journal of the Practice of Cardiovascular Sciences* 5, no. 3 (2019): 157-163. https://doi.org/10.4103/jpcs.jpcs_62_19